



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

BIPE 2024 Merealisasi Visi UiTM

Penulis: Ahmad Faisal Mahdi



Sesi Penutupan BIPE 2024

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menganjurkan program Business Idea & Pitching Exhibition (BIPE) 2024 pada 5 Januari 2024. Program ini bertujuan untuk membangkitkan jiwa dan keyakinan diri pelajar dalam menengahkan idea perniagaan mereka untuk direalisasikan dan dipasarkan pada masa yang akan datang. Program ini merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan melalui kursus keusahawanan ENT300 di UiTM. Pameran BIPE 2024 kali ini telah melibatkan sebanyak 55 kumpulan yang terdiri daripada 3 program diploma UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah iaitu Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengajian Perbankan dan Diploma Pengurusan Ladang. Seramai 267 orang pelajar terlibat dalam pameran pada kali ini.

Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar serta keyakinan sendiri mereka supaya dapat meletakkan keusahawanan itu sebagai cabang kerjaya yang boleh mereka ceburi pada masa hadapan dan berani memperkenalkan konsep perniagaan dengan pendekatan yang baharu mengikut pergerakan teknologi. Pameran BIPE kali ini dinilai bukan sahaja oleh pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah tetapi juga dengan kehadiran pensyarah dari Jabatan Perdagangan Politeknik Mukah untuk menambah nilai kepada peserta BIPE 2024. Kategori yang dinilai termasuklah "Idea Perniagaan Terbaik", "Video TikTok Terbaik", dan "Pembentangan Idea Perniagaan Terbaik".



Sesi Penyampaian Hadiah Para Pemenang BIPE 2024